



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN, PERSEKUTUAN
BILANGAN 10/1970**

Sijil Mengenai Pelan Tapak Untuk Bangunan Kerajaan

Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil ingatan bahawa adalah mustahak bagi mereka membantu Pejabat Kerja Raya bagi menentukan supaya pekerjaan untuk membina bangunan atau kerja-kerja yang lain yang diselenggarakan Kerajaan hendaklah dibuat di dalam lingkungan kawasan tanah itu sahaja yang mana telah dirizabkan atau diberi milik untuk rancangan itu. Seorang Pegawai Petempatan hendaklah ditugaskan untuk memeriksa tanah itu dan menentukan sempadan-sempadan yang mana hendaklah dinyatakan kepada Jurutera yang bertugas berkaitan dengan rancangan itu atau kepada wakilnya.

2. Satu Sijil yang memberi kenyataan seperti di bawah ini hendaklah dicatatkan di atas pelan tapak untuk bangunan yang berkenaan ataupun kerja-kerja:

“Sempadan-sempadan tanah yang ditunjukkan di atas pelan ini telah diperiksa. Adalah disahkan bahawa bangunan atau kerja yang dicadangkan itu akan termasuk ke dalam lingkungan sempadan-sempadan yang tersebut.

.....
Pemungut Hasil Tanah”

Ada pun amalan menandatangani pelan tapak dengan tidak ada sijil hendaklah diberhentikan.

3. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Bilangan 2/56 adalah dengan ini ditarik balik dan dibatalkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 29/56(19)

Kuala Lumpur,
25hb September, 1970